

## **Fungsi Kaitan Lafaz Dan Kaitan Makna Pada *Waqf Ikhtiyārī* Dalam Surah al-Qāri‘at**

Al-Isma'ili Mursyid Rosdi  
[ismailiarabmikro@gmail.com](mailto:ismailiarabmikro@gmail.com)  
Universiti Malaysia Kelantan

Azhar Muhammad  
[azhar.my@umk.edu.my](mailto:azhar.my@umk.edu.my)  
Universiti Malaysia Kelantan

### **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk meneliti fungsi kaitan lafaz dan makna dalam surah al-Qāri‘at. Penelitian ini menjurus kepada kewajaran fungsi kaitan lafaz dan makna dalam membahagikan surah kepada beberapa segmen, kemudian dalam menetapkan hukum *Waqf* pada akhiran setiap segmen. Kajian ini juga akan menjawab persoalan tentang sejauh mana kebergantungan seseorang terhadap hukum yang telah diputuskan para sarjana *Waqf wa Ibtidā’*. Metode yang digunakan adalah kualitatif kepustakaan yang melibatkan pengumpulan dan penganalisisan data. Data terkumpul adalah berbentuk deskriptif yang berupa rekod tulisan dan video. Data-data ini akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan yang melibatkan huraian dan interpretasi dengan bukti. Dapatan kajian ini memperlihatkan kaitan lafaz dan makna wajar berfungsi dalam membahagikan surah al-Qāri‘at kepada empat segmen. Ia juga membuktikan bahawa hukum *Waqf* dapat diputuskan, meskipun tanpa merujuk terlebih dahulu kepada hukum yang telah diputuskan oleh para sarjana silam. Keunikan implementasi dua kaitan ini dalam sesebuah surah adalah ia memberikan kefahaman yang syumul dahulu sebelum daripada penetapan hukum *Waqf*, sama ada pada *ra’si āyat* mahupun pada akhiran segmen.

**Kata kunci:** Kaitan lafaz; Kaitan makna; *Waqf Ikhtiyārī*; Surah al-Qāri‘at; Musā‘id

## **Relevance of Wording and Relevance of Meaning On *Waqf Ikhtiyārī* in Surah al-Qāri‘at**

### **ABSTRACT**

This study was conducted to examine the function of the relevance of wording and meaning in surah al-Qāri‘at. This study also focuses on the function reasonableness about the relevance of the wording and meaning in dividing a surah into several segments, then in stipulating the law of *Waqf* at the end of each segment. The question about an extent of a person’s dependence on the laws of *Waqf* which have been decided by the scholars will be answered by this study. The method used is qualitative libraries that involve data collection and analysis. The accumulated data are in the form of descriptive and these involve writing and video records. These data will be analysed using content analysis methods that involve description and interpretation with evidence. The study findings show that the relevance of wording and meaning could be implemented in dividing surah al-Qāri‘at into four segments. These findings also prove that law of *Waqf* can be decided, even without first referring to the rullings that have been decided by past scholars. The uniqueness of the implementation of these two relatedities in a surah is

that it provides thorough understanding prior to the law stipulation of *Waqf*, whether in *ra'si āyaṭ* or at the end of the segment.

**Keywords:** Relevance of wording; Relevance of meaning; *Waqf Ikhtiyārī*; Surah al-Qāri'at; Musā'id

## PENGENALAN

Perbahasan tentang fungsi kaitan lafaz dan kaitan makna pada *Waqf Ikhtiyārī* dalam surah al-Qāri'at adalah hal yang menarik untuk dikaji dari aspek kewajaran lenggok bahasa ayatnya dengan *Waqf*. *Waqf* atau menghentikan bacaan pada sesuatu tempat pasti terpalit dengan lenggok bahasa disebabkan tuntutan dalam memahami konteks sesebuah ayat. *Waqf* yang tepat juga akan menjuruskan kepada kefahaman konteks yang sebenar. Hal ini sebagaimana yang dikatakan oleh al-Nakzāwī,<sup>1</sup> al-Sakhāwī<sup>2</sup> dan al-Zarkasyī.<sup>3</sup> Kajian tentang *Waqf Ikhtiyārī* dalam surah al-Qāri'at ini adalah bersifat inovasi, kerana fokus kajian yang menjelaskan implementasi teori kaitan lafaz dan makna dalam usaha pembahagian segmen surah dan penetapan hukum *Waqf Ikhtiyārī*. Dua usaha ini dapat direalisasikan dengan penghadaman teori kaitan lafaz dan makna serta konsep *Waqf Ikhtiyārī* oleh Musā'id<sup>4</sup> terlebih dahulu. Teori dan konsep yang dikedepankan oleh Musā'id ini sangat istimewa, kerana ia adalah hasil rumusan dan cakupan yang satu per satu terhadap tiga<sup>5</sup> kitab *Waqf wa Ibtidā'* yang menganalisis 30 juzuk al-Quran dengan lengkap.

Keistimewaan kajian ini adalah implementasi kaitan lafaz dan makna dalam surah al-Qāri'at yang dengan keduanya membolehkan untuk dibahagikan surah ini kepada empat segmen. Sehingga ke saat ini, pengkaji tidak menemukan walau satu kajian yang semisal ini dalam mana-mana surah. Musā'id<sup>6</sup> sendiri ada mengimplementasikan fungsi dua kaitan ini dalam satu surah dengan lengkap, iaitu surah al-Tahrīm. Akan tetapi implementasinya menjurus ke arah pentarjihan hukum-hukum *Waqf* yang pelbagai daripada para sarjana seperti Muḥammad al-Sajāwindī dan Muḥammad al-Anbārī. Masalah implementasi sebegini adalah penelitian terhadap fungsi kaitan lafaz dan makna dilakukan setelah diketahui penetapan hukum *Waqf*. Ini bermakna penelitian terhadap kaitan lafaz dan makna tidak berlaku secara terus pada *'alāmaṭ al-Waqf*. Penelitian terhadap hukum *Waqf* daripada para sarjana terlebih dahulu akan menyebabkan perkiraan fungsi dua kaitan ini terikat secara tidak langsung dengan penetapan mereka. Hal ini berbeza jika penelitian dilakukan secara terus terhadap ayat al-Quran tanpa diteliti dahulu penetapan hukum *Waqf* daripada mana-mana sarjana. Implementasi sebegini akan memberikan penetapan hukum *Waqf* yang bersandar secara total kepada perkiraan kaitan lafaz dan makna.

## SOROTAN LITERATUR

Musā'id telah menyimpulkan satu teori dalam menentukan hukum *Waqf* pada setiap tempat yang dihentikan bacaan. Teori ini adalah fungsi kaitan lafaz dan makna. Teori ini dibina hasil daripada usaha *istiqrā'* dan *istiqsā'* terhadap karya-karya sarjana silam seperti *an-Nasyr fī al-Qirā'at al-'Asyr* oleh Muḥammad al-Jazarī<sup>7</sup> dan *Ilal al-Wuqūf* oleh Muḥammad as-Sajāwindī.

<sup>1</sup> Muḥammad al-Jazarī. (2006). *Ghāyaṭ al-Nihāyaṭ fī Ṭabaqāt al-Qirā'at* (Jld. 1, ms. 452). Kaherah: Maktabaṭ al-Mutanabbī.

<sup>2</sup> Alī al-Sakhāwī. (1987). *Jamāl al-Qurrā' wa Kamāl al-'Iqrā'* (Jld. 2, ms. 553). Mekah: Maktabaṭ at-Turath.

<sup>3</sup> Muḥammad al-Zarkasyī. (1990). *Al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān* (Jld. 1, ms. 342). Beirut: Dār al-Ma'rifaṭ.

<sup>4</sup> Musā'id al-Ṭayyār. (2012). *Wuqūf al-Qur'ān wa Atharuhā fī at-Taḥsīn* (ms. 208–209 & 257–264). Madinah: Majma' al-Malik Fahd li-ṭibā'at al-Muṣḥaf al-Syarīf.

<sup>5</sup> Ibid., ms. 100, 141 & 177.

<sup>6</sup> Ibid., ms. 215-235.

<sup>7</sup> Ibid., ms. 46.

Pembahagian surah al-Qāri‘at kepada empat segmen memerlukan penelitian kaitan lafaz dan makna sekaligus dan tidak boleh sesekali secara berasingan. Ini kerana untuk membolehkan pembahagian surah kepada segmen perlu kepada kefahaman lenggok bahasa yang ia pula terkait rapat dengan kaitan lafaz dan makna. Dua kaitan ini hanya dapat dipraktikkan pada *Waqf Ikhtiyārī*, kerana *Waqf* selain ini misalnya *Idṭirārī* sama sekali tidak melibatkan penelitian dua kaitan tersebut.

### Musā‘id al-Ṭayyār: *Wuqūf al-Qur’ān wa Atharuhā fī at-Tafsīr*

Kaitan lafaz (تَعْلُقٌ لَفْظِيٌّ) dan kaitan makna (تَعْلُقٌ مَعْنَوِيٌّ) bukanlah teori yang pertama kali diperkenalkan oleh Musā‘id. Hal ini dapat dilihat kepada keterangan tentang kedua-duanya dalam beberapa kitab silam seperti kitab *al-Nasyr*,<sup>8</sup> kitab *Nihāyat al-Qaul al-Mufīd*<sup>9</sup> dan kitab *Hidāyat al-Qārī*.<sup>10</sup> Namun begitu, kaitan lafaz dan makna yang diketengahkan oleh Musā‘id adalah unik berbanding sebelumnya. Keunikan ini adalah disebabkan rangkuman dan kesimpulan teorinya terhadap apa yang telah didatangkan oleh sarjana silam semisal Muḥammad al-Jazarī<sup>11</sup> dan Uthmān ad-Dānī.<sup>12</sup> Teori kaitan Musā‘id bukan sekadar mengetengahkan atau menginovasikan teori yang lalu, bahkan ia turut menjelaskan kemusykilan kitab-kitab *Waqf* yang mempraktikkan dua kaitan ini.<sup>13</sup>

Kaitan lafaz adalah kewujudan kesan fleksis antara ayat sebelum *Waqf* dengan ayat selepas *Waqf*. Kesan fleksis ini mencakupi aspek morfologi dan sintaksis.<sup>14</sup> Antara aspek morfologi yang pengkaji titikberatkan ialah imbuhan, makna imbuhan dan ganti nama diri. Aspek-aspek sebegini berpengaruh dalam menetapkan hukum *Waqf* dan ini sebagaimana yang dapat diperhatikan pada firman Allah “*mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk daripada Tuhan mereka, dan merekalah orang-orang yang berjaya*”, surah al-Baqarat, 2: 5.

Ganti nama “*merekalah*” merujuk kepada “*mereka*” yang mula-mula disebutkan. Ini bermakna “*mereka*” yang pertama, kedua dan ketiga merujuk kepada golongan yang sama, iaitu golongan yang dibimbing Allah. Daripada itu, jika dihentikan bacaan pada lafaz “*Tuhan mereka*” iaitu مِنْ رَبِّهِمْ, maka hukum *Waqf* di sini ialah *Hasan*, kerana ayat sebelum *Waqf* dan selepas *Waqf* mempunyai kaitan lafaz dan makna.<sup>15</sup> Hal ini diketahui dengan diperhatikan pada ganti nama “*mereka*” iaitu وَأُولَئِكَ yang bahagian daripada aspek morfologi.

Aspek sintaksis berpengaruh dalam penilaian makna tersurat bagi sesebuah ayat. Antara yang dititikberatkan dalam aspek ini ialah frasa seperti *muḍāf* dengan *muḍāf ilaih* dan rukun ayat seperti *rāfi* ‘dengan *marfū*’.<sup>16</sup> Pengkaji menyimpulkan aspek sintaksis sebagai *fleksis* berdasarkan kepada tulisan Musā‘id.<sup>17</sup> Menghentikan bacaan pada tempat yang tidak memenuhi tuntutan aspek sintaksis antara faktor yang mendorong kepada *Waqf Qabīḥ* iaitu *Waqf* yang keji. Ini sebagaimana yang Uthmān<sup>18</sup> telah contohkan dengan menghentikan bacaan pada “*sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan orang-orang (Yahudi) yang mengatakan*”, lalu memulakan kembali pada “*sesungguhnya Allah itu miskin dan kamilah orang-orang kaya*”, surah Āli Imrān, 3: 181. *Waqf* sebegini adalah keji, kerana ia memberikan maksud pengiktirafan bahawa hakikat yang sebenar Allah itu fakir, justeru orang-orang Yahudi

<sup>8</sup> Muḥammad al-Jazarī. (t.t.). *Al-Nasyr fī al-Qirā‘āt al-‘Asyr* (Jld. 1, ms. 225–226). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat.

<sup>9</sup> Muḥammad Makkī. (1999). *Nihāyat al-Qaul al-Mufīd fī ‘ilm al-Tajwīd* (ms. 154). Kaherah: Maktabat al-Ṣafā.

<sup>10</sup> Abd al-Fattāh al-Marṣafī. (1980). *Hidāyat al-Qārī ilā Tajwīd Kalām al-Bārī* (Cet 2., ms. 375). Madinah: Maktabat Ṭayyibat.

<sup>11</sup> Musā‘id. (2012). *Wuqūf al-Qur’ān* (ms. 257).

<sup>12</sup> Ibid., ms. 141.

<sup>13</sup> Ibid., ms. 258.

<sup>14</sup> Ibid., ms 114 & 258-259.

<sup>15</sup> Maḥmūd al-Ṣāfi. (t.t.-a). Al-Jadual fī I‘rāb al-Qur’ān. Laman web: <https://tafsir.app/aljadwal/2/5>.

<sup>16</sup> Muḥammad al-Anbārī. (1970). *Idāh al-Waqf wa al-Ibtidā’ fī Kitābillah ‘Azza wa Jalla* (Jld. 1, ms. 116–149). Damsyik: Maṭbū‘at Majma’ al-Lughat al-‘Arabīyyat.

<sup>17</sup> Musā‘id. (2012). *Wuqūf al-Qur’ān* (ms. 258).

<sup>18</sup> Uthmān al-Dānī. (1984). *Al-Muktafā fī al-Waqf wa al-Ibtidā’* (ms. 148–150 & 152). Beirut: Mu‘assasat al-Risālat.

yang kaya. Bacaan sebegini juga memisahkan antara *nāṣib* dengan *manṣūb*. *Nāṣib* dalam ayat ini ialah lafaz “orang-orang (Yahudi) yang mengatakan”, manakala *manṣūb*nya ialah lafaz “sesungguhnya Allah itu miskin dan kamilah orang-orang kaya”.

Kaitan makna melibatkan kefahaman konteks yang tidak akan diperoleh melainkan dengan penelitian tema penceritaan. Kefahaman tema ini pula secara asasnya terkait dengan makna tersurat ayat sebelum dan ayat selepas daripada ayat pembacaan semasa. Hakikat sebenarnya, takrifan atau kefahaman tentang kaitan makna menurut sarjana *Waqf wa Ibtidā'* tidak dapat dinyatakan secara spesifik. Ini kerana mereka tidak menerangkan apa yang dimaksudkan dengan kaitan makna dalam penulisan mereka.<sup>19</sup> Sesebuah ayat dikira mempunyai kaitan makna apabila ia melengkapkan atau menjelaskan ayat sebelum *Waqf*. Sebagai contoh ayat tersebut berfungsi sebagai *tatmīm*,<sup>20</sup> *radd*<sup>21</sup> atau *jawāb al-Syart*.<sup>22</sup>

### Muḥammad al-Jazarī: *Al-Nasyr fī al-Qirā'āt al-'Asyr*

Muḥammad al-Jazarī membahagikan *Waqf* kepada dua, iaitu *Ikhtiyārī* dan *Iḍṭirārī*.<sup>23</sup> *Waqf Ikhtiyārī* adalah *Waqf* yang bertentangan dengan *Waqf Iḍṭirārī* disebabkan hal keterlibatan kaitan lafaz dan makna. Pengkaji menggunakan sepenuhnya pembahagian *Waqf Ikhtiyārī* oleh Muḥammad al-Jazarī agar ia selari dengan teori dua kaitan Musā'id sebagaimana yang beliau telah aplikasikan dalam analisis kajiannya.<sup>24</sup> Secara amnya, keterikatan *Waqf Ikhtiyārī* dengan kaitan lafaz dan makna mengisyaratkan bahawa kebanyakan *Waqf* pada *ra'si āyat* -kepala ayat- yang ada dalam al-Quran ialah *Ikhtiyārī*. Hanya beberapa sahaja yang dihukum sebagai *Iḍṭirārī*.<sup>25</sup> Hal ini terjadi disebabkan perbezaan ijtihad para sarjana *Waqf wa Ibtidā'* dalam memahami maksud ayat yang asasnya terikat dengan kaitan lafaz dan makna.

Menurut Muḥammad al-Jazarī, *Waqf Ikhtiyārī* terbahagi kepada tiga iaitu *Tām*, *Kāfī* dan *Ḥasan*.<sup>26</sup> Pembahagian tiga ini turut dipraktikkan oleh Musā'id<sup>27</sup> dan ia juga diguna pakai oleh ramai sarjana kontemporari.<sup>28</sup> Namun, ini tidak bermakna bahawa pembahagian *Waqf Ikhtiyārī* kepada empat,<sup>29</sup> lima<sup>30</sup> dan tujuh<sup>31</sup> adalah suatu yang langsung tidak relevan. Pembahagian yang lebih daripada tiga tidak relevan dengan kajian ini sahaja disebabkan keterikatannya dengan teori dua kaitan Musā'id. Musā'id<sup>32</sup> telah menghasilkan satu teori yang menyeluruh dalam menentukan hukum *Waqf* dan pengkaji rangkaknya seperti berikut:

<sup>19</sup> Musā'id. (2012). *Wuqūf al-Qur'ān* (ms. 259-260).

<sup>20</sup> Rujuk firman Allah “*dan dia beriman*”, surah Ṭaha, 20: 112 & Muḥammad Hādī. (t.t.). *Talkhīṣ al-Tamhīd* (Jld. 2, ms. 426-429). Diambil dari <https://almerja.com/reading.php>

<sup>21</sup> Rujuk firman Allah “*Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang sebenar-benarnya membuat bencana dan kerosakan*”, surah al-Baqaraṭ, 2: 12.

<sup>22</sup> Rujuk firman Allah “*dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar*”, surah al-Ṭalāq, 65: 2.

<sup>23</sup> Muḥammad al-Jazarī. (2014). *Al-Nasyr fī al-Qirā'āt al-'Asyr* (Jld. 3, ms. 587-588). Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li-Ṭibā'at al-Mushaf al-Syarīf.

<sup>24</sup> Musā'id. (2012). *Wuqūf al-Qur'ān* (ms. 282, 347 & 385).

<sup>25</sup> Muḥammad al-Anbārī. (1971). *Iḍṭāḥ al-Waqf* (Jld. 1 & 2, ms. 543, 550 & 988).

<sup>26</sup> Muḥammad al-Jazarī. (2014). *Al-Nasyr* (Jld. 3, ms. 587-588).

<sup>27</sup> Musā'id. (2012). *Wuqūf al-Qur'ān* (ms. 257-258).


<sup>28</sup> Al-Quran Amazing (Cet 6., ms. Mukadimah). (2017). Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd., Asyraf Fauzi. (t.t.). Al-Waqf. Diambil dari <https://alitkan.com> & Sāmiḥ Muḥammad. (2014). Min Aqsām al-Waqf: Al-Waqf al-Ikhtiyārī. Diambil dari <https://www.alukah.net/sharia/0/72376>

<sup>29</sup> Khadījat Aḥmad. (1985). *Al-Waqf wa al-Ibtidā' inda al-Nuḥāt wa al-Qurrā'* (ms. 113). Mekah: Universiti Umm al-Qurā.

<sup>30</sup> Muḥammad al-Sajawīndī. (2006). *Ilal al-Wuqūf* (Jld. 1, ms. 8 & 68). Riyadh: Maktabat al-Rusyd.

<sup>31</sup> Khadījat Aḥmad. (1985). *Al-Waqf wa al-Ibtidā'* (ms. 118).

<sup>32</sup> Musā'id. (2012). *Wuqūf al-Qur'ān* (ms. 257).



RAJAH 1. Aplikasi kaitan lafaz dan makna pada *Waqf Ikhtiyārī*

*Waqf Tām* adalah *Waqf* yang antara ayat sebelumnya dengan selepasnya langsung tidak mempunyai kaitan lafaz dan makna. Boleh dihentikan bacaan pada *Waqf* ini dan dimulakan kembali terus dengan ayat yang berikutnya.<sup>33</sup> Misalnya menghentikan bacaan pada “*dan mereka itulah orang-orang yang berjaya*”, surah al-Baqaraṭ, 2: 5 ialah *Waqf Tām*, kerana ayat berikutnya iaitu “*sesungguhnya orang-orang yang ingkar*” adalah permulaan kepada ayat dan tema baru<sup>34</sup> yang menceritakan tentang golongan kafir sesudah golongan mukmin.

*Waqf Kāfī* pula adalah *Waqf* yang antara ayat sebelumnya dengan selepasnya langsung tidak mempunyai kaitan lafaz, namun mempunyai kaitan makna. Meskipun takrifan *Waqf Kāfī* berbeza dengan *Waqf Tām*, cara bacaan antara keduanya adalah sama.<sup>35</sup> Misalnya menghentikan bacaan pada “*semasa kamu berada pada waktu pagi dan juga pada waktu malam*”, surah aṣ-Ṣāffāt, 37: 137-138 ialah *Waqf Kāfī*, kerana ayat berikutnya iaitu “*maka mengapa kamu tidak mahu memikirkannya*”? berfungsi sebagai *istifhām inkārī*<sup>36</sup>.

*Waqf Ḥasan* adalah *Waqf* yang antara ayat sebelumnya dengan selepasnya mempunyai kedua-dua kaitan. Boleh dihentikan bacaan pada *Waqf* ini, namun tidak boleh disambung kembali bacaan terus dengan ayat berikutnya.<sup>37</sup> Hal ini disebabkan kewujudan kaitan lafaz antara ayat sebelum dengan ayat selepas. Misalnya menghentikan bacaan pada “*Dan juga orang-orang yang beriman kepada Kitab "Al-Quran" yang diturunkan kepadamu (Wahai Muhammad)*”, surah al-Baqaraṭ, 2: 4 ialah *Waqf Ḥasan*, kerana ayat berikutnya iaitu “*dan Kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya)*” berfungsi sebagai *ma'tūf*. Sekiranya *Waqf Ḥasan* berada pada *ra'si āyaṭ*, maka ia dibenarkan untuk disambung terus bacaan dengan ayat berikutnya

<sup>33</sup> Muḥammad al-Jazārī. (2014). *Al-Nasyr* (Jld. 3, ms. 587–588).

<sup>34</sup> Maḥmūd al-Ṣāfi. (t.t.-a). *Al-Jadual fi Ṭ'rab al-Qur'ān*. Diambil dari <https://tafsir.app/aljadwal/2/5>

<sup>35</sup> Muḥammad al-Jazārī. (2014). *Al-Nasyr* (Jld. 3, ms. 588).

<sup>36</sup> Muḥammad 'Āsyūr. (t.t.-a). *Al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Diambil dari <https://tafsir.app/ibn-aashoor/37/138>

<sup>37</sup> Muḥammad al-Jazārī. (2014). *Al-Nasyr* (Jld. 3, ms. 588).

berdalilkan kepada hadis Ummu Salamat.<sup>38</sup> Cara bacaan sebegini adalah pegangan majoriti ahli al-'Adā'.<sup>39</sup>

## METODOLOGI

Pengkaji mengumpulkan data yang berbentuk deskriptif, iaitu yang berupa rekod tulisan dan video. Kebanyakan rekod bertulis yang digunakan adalah daripada laman sesawang, sama ada buku, tesis atau artikel. Rekod video digunakan untuk mendapatkan keterangan lanjut tentang rekod bertulis yang sedia ada. Data terkumpul dalam kajian ini adalah yang terikat dengan kaitan lafaz, kaitan makna dan *Waqf Ikhtiyārī*, di samping sedikit sokongan data daripada bidang tafsir serta qiraat dalam memahami fokus kajian.

Dalam menganalisis data, pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan yang melibatkan dua langkah, iaitu huraian dan interpretasi dengan bukti.<sup>40</sup> Pengkaji menganalisis ayat-ayat *Waqf Ikhtiyārī* dalam bentuk huraian tebal yang berkisar tentang kaitan lafaz dan makna sahaja. Ia juga disokong oleh tafsiran bahasa dalam memahami konteks penceritaan sesebuah ayat seperti tafsir *al-Tahrīr wa al-Tanwīr*, tafsir *al-Kassyāf* dan tafsir *al-Baḥr al-Muḥīṭ*. Analisis ini akan merangkumi keseluruhan surah al-Qāri'at, namun ia tidak bermaksud pada setiap tempat *Waqf Ikhtiyārī* mahupun *ra'si āyaṭ*. Rangkuman yang dimaksudkan adalah analisis pada empat segmen surah ini yang dinilai dari aspek kaitan lafaz dan makna. Kedua-dua kaitan ini pula adalah secara total berpandukan kepada teori Musā'id.

## ANALISIS KAJIAN

Surah al-Qāri'at dibahagikan kepada empat segmen berdasarkan kepada penilaian kaitan lafaz dan makna. Setiap segmen akan berakhir dengan *Waqf Ikhtiyārī*, namun berbeza pada penetapan hukum sama ada *Tām*, *Kāfi* atau *Ḥasan*. Rujukan kepada tafsiran bahasa seperti *al-Tahrīr wa al-Tanwīr* oleh Muḥammad 'Āsyūr, *Irsyād al-'Aql al-Salīm ilā Mazāyā al-Kitāb al-Karīm* oleh Muḥammad al-'Imādī dan *Ruḥ al-Ma'ānī* oleh Maḥmud al-Ālūsī adalah mesti dalam memahami lenggok bahasa surah ini. Analisis kaitan lafaz dan makna pada *ra'si āyaṭ* dihurai ringkas, kerana ramai sarjana telah membahaskannya seperti Muḥammad al-Sakhāwī, Alī al-Asymūnī dan Zakariyyā al-Anṣārī.<sup>41</sup> Penetapan hukum *Waqf* pada *ra'si āyaṭ* juga telah dibahaskan dalam banyak kitab *Waqf wa Ibtidā'*<sup>42</sup> seperti *al-Muktafā fī al-Waqf wa al-Ibtidā'* dan *Ilāl al-Wuqūf*.

### Segmen Pertama; Surah al-Qāri'at

Segmen ini berakhir hingga ayat ketiga. Ia membicarakan tentang pengenalan atau mukadimah *al-Qāri'at*, iaitu hari kedahsyatan yang menggemparkan umat manusia. Ayat pertama dengan ayat kedua saling terkait dari sudut lafaz dan makna, yang mana ayat pertama sebagai subjek dan ayat kedua sebagai prediket dalam bentuk ayat namaan. Pengulangan lafaz *al-Qāri'at* pada ayat kedua tanpa disebutkan dengan ganti nama adalah untuk memberikan makna *tahwīl* dan *tarwī'*. Ayat ketiga pula adalah sambungan kepada ayat kedua dengan melihat kepada partikel

<sup>38</sup> Ahmad al-Mauṣalī. (1989). *Musnad Abī Ya'la al-Mauṣalī* (Jld. 12, ms. 451). Kaherah: Dār al-Ma'mūn li-Turāth.

<sup>39</sup> Muḥammad al-Jazarī. (2014). *Al-Nasyr* (Jld. 3, ms. 588).

<sup>40</sup> Liamputtong, P. (2014). *Kaedah Penyelidikan Kualitatif* (Cet 3., ms. 40–41). Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.

<sup>41</sup> Markaz al-Fatwā. (t.t.). Hal Yustahabbu al-Waqf alā Ru'ūs al-Āyāt Mutlaqan wa lau Ta'allaqat bimā ba'dahā. Diambil dari <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/388132>

<sup>42</sup> Abdullah al-Maimūnī. (2003). *Faḍl Ilm al-Waqf wa al-Ibtidā' wa ma'ahu Ḥukm al-Waqf Alā Ru'ūs al-Āyāt* (1st ed.). Riyad: Dār al-Qāsim.

*waw 'ātifaṭ* yang berada antara keduanya. Pengulangan soalan tentang *al-Qāri'at* menguatkan lagi unsur *tahwīl* yang sedia ada.<sup>43</sup>

Berdasarkan kepada penilaian kaitan lafaz dan makna, pengkaji menetapkan hukum *Waqf* pada akhiran segmen ini sebagai *Kāfi*. Ini kerana ayat ketiga dengan ayat keempat masih terkait dari sudut makna, meskipun ayat keempat dalam segmen kedua dan tidak lagi membicarakan tentang mukadimah *al-Qāri'at*. Kaitan makna ayat keempat adalah ia sebagai jawapan bagi soalan pada ayat kedua dan ketiga. Antara sarjana yang turut menetapkan hukum pada akhiran segmen ini sebagai *Kāfi* ialah Aḥmad al-Asymūnī<sup>44</sup>, Zakariyyā al-Anṣārī<sup>45</sup> dan Jamāl al-Qirsy.<sup>46</sup>

### Segmen Kedua; Surah al-Qāri'at

Segmen kedua bermula dari ayat keempat hingga ayat kelima. Dua ayat ini menerangkan kedahsyatan yang terjadi pada hari kiamat. Pertama, umat manusia bertebaran dalam keadaan bingung seperti kelkatu yang terbang berkeliaran menuju cahaya atau api yang membakar diri.<sup>47</sup> Kedua, gunung-gemunung tercabut daripada pasaknya lalu berterbangan hancur di udara seperti bulu yang dibusar.<sup>48</sup> Ayat keempat dengan ayat kelima saling terkait dari sudut lafaz dan makna, yang mana ayat keempat sebagai jawapan pertama dan ayat kelima sebagai jawapan kedua bagi soalan pada ayat kedua dan ketiga. Keberadaan *waw 'ātifaṭ* pada permulaan ayat kelima<sup>49</sup> menunjukkan keterikatan lafaz ayat namaan ini dengan ayat namaan sebelumnya.

Daripada itu, pengkaji menetapkan hukum *Waqf* pada akhiran segmen ini sebagai *Tām*, disebabkan ayat kelima dengan ayat keenam sudah tidak terkait dari sudut lafaz dan makna. Hal ini dapat diperhatikan kepada *fā' isti'nāfiyyat* dan partikel syarat *ammā* yang berada pada permulaan ayat keenam.<sup>50</sup> Ia berfungsi sebagai pemisah antara dua buah ayat. Daripada ayat ini juga bermula pengalihan cerita tentang peristiwa yang terjadi di dunia kepada di akhirat. Sepanjang pencarian pengkaji, hanya dua sarjana yang turut menetapkan hukum pada akhiran segmen ini sebagai *Tām* iaitu Uthmān al-Dānī<sup>51</sup> dan Muḥammad al-Anbārī<sup>52</sup>.

### Segmen Ketiga; Surah al-Qāri'at

Segmen ini adalah yang terpanjang iaitu dari ayat keenam hingga ayat kesembilan dan ia terbahagi kepada dua fasal. Fasal pertama iaitu hingga ayat ketujuh membicarakan tentang manusia yang berjaya pada hari akhirat dan memperoleh kehidupan yang meredai. Fasal kedua pula sambungan daripada fasal satu hingga ayat kesembilan. Ia membicarakan tentang manusia yang celaka dan ditempatkan dalam neraka *Hāwiyat*.<sup>53</sup> Cerita fasal satu kontradiksi dengan cerita fasal dua, namun kedua-dua fasal ini tetap terkait dari sudut lafaz dan makna. Hal ini

<sup>43</sup> Muḥammad 'Āsyūr. (t.t.). Al-Taḥrīr wa al-Tanwīr. Diambil dari <https://tafsir.app/ibn-aashoor/101/3>

<sup>44</sup> Aḥmad al-Asymūnī. (1973). *Manār al-Hudā fī Bayān al-Waqf wa al-Ibtidā* (Cet 2., ms. 433). Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.

<sup>45</sup> Abd al-Raḥmān al-Qammāsy. (t.t.). Al-Ḥāwī fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm. Diambil dari <http://www.al-eman.com/الكتاب/الحوار>

<sup>46</sup> Jamāl al-Qirsy. (2012). Al-Waqf wa al-Ibtidā' min Sūrat al-Qadr ilā al-'Aṣr. Diambil dari <https://vb.tafsir.net/forum>

<sup>47</sup> Muḥammad al-Andalusī. (t.t.). Al-Baḥr al-Muḥīṭ fī al-Tafsīr. Diambil dari <https://tafsir.app/albahr-almuheet/101/5>

<sup>48</sup> Muḥammad al-'Imādī. (t.t.). Irsyād al-'Aql al-Salīm. Diambil dari <https://tafsir.app/abu-alsuod/101/5>

<sup>49</sup> Maḥmūd al-Sāfi. (t.t.-b.). Al-Jadual fī I'rāb al-Qur'ān. Diambil dari <https://tafsir.app/aljadwal/101/5>

<sup>50</sup> Ibid., <https://tafsir.app/aljadwal/101/6> & Muḥammad al-Sajāwindī. (2006). *Ilal al-Wuqūf* (Jld. 3, ms. 1153).

<sup>51</sup> Uthmān al-Dānī. (1984). *Al-Muktafā* (ms. 627).

<sup>52</sup> Muḥammad al-Anbārī. (1971). *Idāḥ al-Waqf* (Jld. 2, ms. 983).

<sup>53</sup> Muḥammad 'Āsyūr. (t.t.). Al-Taḥrīr wa al-Tanwīr. Diambil dari <https://tafsir.app/ibn-aashoor/101/9>

dengan melihat kepada *waw 'āṭifaṭ* yang berada pada permulaan ayat kelapan.<sup>54</sup> *Waw* ini menghubungkan antara ayat syarat pada fasal satu dengan ayat syarat pada fasal dua.

Pengkaji menetapkan hukum *Waqf* pada akhiran segmen ini sebagai *Tām*, kerana ayat kesembilan dengan ayat kesepuluh telah dipisahkan kaitan lafaz dan maknanya oleh *waw isti'nāfiyyat*<sup>55</sup> ataupun *i'tirāḍiyyat*.<sup>56</sup> Pengkaji menganggap *waw* di sini sedemikian disebabkan perbezaan subcerita antara segmen ketiga dengan segmen keempat. Segmen ketiga menceritakan tentang timbangan amalan manusia, manakala segmen keempat menceritakan tentang realiti neraka *Hāwiyat*. Pengkaji tidak menemukan walau seorang sarjana yang menetapkan hukum *Waqf* di sini sebagai *Tām*, melainkan penetapan Muḥammad al-Sajāwindī yang hampir sama iaitu *Muṭlaq*.<sup>57</sup>

### Segmen Keempat; Surah al-Qāri'at

Segmen ini adalah yang terakhir dan ia terangkum daripada dua ayat sahaja, iaitu ayat kesepuluh dan kesebelas. Dua ayat ini memberitahu tentang hakikat neraka *Hāwiyat*. Ayat kesepuluh hadir dalam uslub *insyā'ī istifhāmī* yang berobjektifkan unsur *tahwīl*, iaitu menggerunkan.<sup>58</sup> Manakala ayat selepasnya hadir dalam uslub *khbarī ṭjābī* yang sebagai penjelas bagi soalan pada ayat kesepuluh.<sup>59</sup> Kedua-dua ayat ini saling mempunyai kaitan makna, namun tidak kaitan lafaz. Ketidadaan kaitan lafaz melihatkan kepada perbezaan uslub dan objektif, manakala kewujudan kaitan makna melihatkan kepada lafaz *نَارٌ حَامِيَةٌ* *mu'annath* yang secocok dan merujuk kepada lafaz *هَيْئَةٌ*, serta sebagai jawapan.

Hukum *Waqf* pada akhir segmen ini ialah *Tām*. Ini kerana ia adalah pengakhiran surah dan tidak terkait dengan ayat atau segmen pada surah yang berikutnya, iaitu *al-Takāthur*. Tidak dinafikan terdapat kewajaran dan kaitan antara surah *al-Qāri'at* dengan surah *al-Takāthur*,<sup>60</sup> namun hal ini telah menjangkau batas analisis. Para sarjana semisal Zakariyyā al-Anṣārī,<sup>61</sup> Aḥmad al-Asymūnī,<sup>62</sup> dan Ṭāhir al-'Atabānī<sup>63</sup> turut menetapkan hukum *Waqf* di sini sebagai *Tām*.

## DAPATAN KAJIAN

Analisis terhadap keempat-empat segmen memperlihatkan bahawa fungsi kaitan lafaz dan makna bukan sekadar berperanan dalam menetapkan hukum *Waqf*, malah dalam membahagikan surah kepada beberapa segmen. Jumlah pembahagian segmen ini ialah hal subjektif, kerana sudut pengamatan antara sarjana pasti ada perbezaan sama ada dalam isu kaitan lafaz mahupun makna. Tema besar bagi keseluruhan surah al-Qāri'at satu sahaja, iaitu kedahsyatan hari al-Qāri'at. Dalam tema besar terdapat tema-tema kecil yang dibahagikan kepada empat segmen seperti berikut:

<sup>54</sup> Aḥmad al-Da'ās, Aḥmad Ḥamīdān, & Ismā'īl al-Qāsim. (t.t.). *I'rāb al-Qur'an li-Da'ās*. Diambil dari <https://tafsir.app/iraab-daas/101/8>

<sup>55</sup> Ibid., <https://tafsir.app/iraab-daas/101/8>

<sup>56</sup> Maḥmūd al-Ṣāfi. (t.t.-b). *Al-Jadual fī I'rāb al-Qur'an*. Diambil dari <https://tafsir.app/aljadwal/101/10> & Aḥmad 'Iṣām. (t.t.). *Zawāhir Lughawiyat fī al-Qur'an* (59) *al-Jumlat al-I'tirāḍiyyat fī al-Qur'an*. Diambil dari <https://www.youtube.com/watch?v=Ry6Sf1I6RH8>

<sup>57</sup> Muḥammad al-Sajāwindī. (2006). *Ilal al-Wuqūf* (Jld. 3, ms. 1152) & Musā'id. (2012). *Wuqūf al-Qur'an* (ms. 209).

<sup>58</sup> Muḥammad 'Asyūr. (t.t.). *Al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Diambil dari <https://tafsir.app/ibn-aashoor/101/11>

<sup>59</sup> Ibid.

<sup>60</sup> Abd al-Raḥmān al-Qammāsy. (t.t.). *Al-Ḥawī fī Tafsīr al-Qur'an al-Karīm*. Diambil dari <http://www.al-eman.com>

<sup>61</sup> Ibid., <http://www.al-eman.com>

<sup>62</sup> Aḥmad al-Asymūnī. (1973). *Manār al-Hudā* (ms. 433).

<sup>63</sup> Ṭāhir al-'Atabānī. (2015). *Al-Waqf wa al-Ibtidā' fī al-Qur'an al-Karīm*. Diambil dari <https://www.alukah.net/sharia>



JADUAL 1. Tema-tema kecil dalam surah *al-Qāri'at*

Segmen	No Ayat	Tema
Segmen pertama	1 hingga 3	Mukadimah hari al-Qāri'at
Segmen kedua	4 dan 5	Situasi-situasi pada hari al-Qāri'at
Segmen ketiga	6 hingga 9	Timbangan amalan dan balasan akhirat
Segmen keempat	10 dan 11	Hakikat neraka Hāwiyat

Keempat-empat segmen ini saling tidak mempunyai kaitan lafaz. Adapun kaitan makna, hanya antara segmen pertama dengan segmen kedua. Oleh itu, hukum *Waqf* bagi segmen-segmen ini ialah *Kāfi* dan *Tām* sahaja seperti dalam rajah berikut:


JADUAL 2. Kaitan lafaz dan makna antara segmen serta hukumnya

Segmen	Kaitan Lafaz	Kaitan Makna	Hukum Waqf
Segmen pertama	Tiada	Ada	<i>Kāfi</i>
Segmen kedua	Tiada	Tiada	<i>Tām</i>
Segmen ketiga	Tiada	Tiada	<i>Tām</i>
Segmen keempat	Tiada	Tiada	<i>Tām</i>

Jadual dua ini menunjukkan keunikan surah al-Qāri'at yang dapat disampaikan dalam satu tema besar, walaupun tiga tema kecilnya langsung tidak mempunyai kaitan lafaz dan makna. Ketiadaan kaitan lafaz dan makna pada tiga segmen ini juga membuktikan bahawa pembikinan sesuatu kisah boleh dihasilkan dan kewujudan dua kaitan ini bukanlah suatu kemestian. Segmen yang paling unik dalam surah ini ialah segmen ketiga disebabkan ia terbahagi pula kepada dua fasal yang saling kontradiksi, namun kedua-duanya masih terkait dari sudut lafaz dan makna. Segmen pertama, kedua dan keempat semuanya tidak mempunyai pembahagian fasal.

Pembahagian surah kepada empat segmen ini kemudian penetapan hukum *Waqf* pada akhirnya adalah bermula dengan pengamatan terhadap surah menggunakan kaca mata kaitan lafaz dan makna. Hal ini membuktikan bahawa untuk menetapkan hukum *Waqf* tidak mesti terikat dengan apa yang telah ditetapkan oleh sarjana *Waqf wa Ibtidā'* sahaja. Pengkaji sendiri telah menetapkan hukum *Tām* pada akhiran segmen ketiga, yang mana sepanjang penelitian pengkaji ramai sarjana menetapkan hukum di sini sebagai *Kāfi*.<sup>64</sup> Perbezaan ini tidak menjadi masalah, kerana penetapan hukum oleh pengkaji berpijak atas asas yang jelas, iaitu fungsi kaitan lafaz dan makna. Berikut ialah carta alir analisis yang dibangunkan pengkaji dalam menetapkan hukum *Waqf*:

<sup>64</sup> Uthmān al-Dānī. (1984). *Al-Muktafā* (ms. 627), Aḥmad al-Asymūnī. (1973). *Manār al-Hudā* (ms. 433).& Abd al-Raḥmān al-Qammāsī. (t.t.). *Al-Hāwī fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*. Diambil dari <http://www.al-eman.com>

RAJAH 2. Carta alir analisis dalam menetapkan hukum *Waqf*

Daripada rajah dua ini dapat dilihat bahawa kaitan lafaz dan makna bukan sekadar berfungsi dalam menetapkan hukum *Waqf*, bahkan apa yang lebih penting ia berfungsi dalam membahagikan surah kepada beberapa segmen. Pembahagian segmen ini akan memberikan kefahaman tentang tema-tema kecil yang terkandung dalam surah dahulu sebelum daripada ditetapkan hukum *Waqf*, khususnya pada setiap akhiran segmen. Penetapan hukum daripada sarjana *Waqf wa Ibtidā'* masih diambil kira, namun ia sesudah ditetapkan hukum daripada diri sendiri. Hal ini kerana objektif kajian adalah untuk mengamati dan menilai fungsi kaitan lafaz dan makna pada *Waqf Ikhtiyārī* secara tulen.

Kaca mata yang pengkaji gunakan daripada apa yang para sarjana gunakan barangkali berbeza dalam menetapkan hukum *Waqf*. Disebabkan ini penetapan hukum daripada sarjana *Waqf wa Ibtidā'* yang sama dengan pengkaji sahaja dinyatakan pada akhir analisis dengan tujuan mengukuhkan penetapan hukum pengkaji, jika ada.

## KESIMPULAN

Teori kaitan lafaz dan makna sering kali dipraktikkan semasa hendak menetapkan hukum *Waqf*, namun hasil daripada kajian ini ia turut dilihat sangat berperanan dalam usaha membahagikan surah kepada beberapa segmen. Tiada limitasi bagi jumlah segmen dalam sesebuah surah, kepanjangannya dan jumlah ayat yang terdapat di bawahnya. Ini kerana kaitan lafaz dan makna berfungsi dalam pembahagian segmen serta penetapan hukum *Waqf* tanpa terikat dengan sebarang syarat limitasi. Hasil daripada pembahagian segmen, pengkaji dapat mengetahui tema-tema kecil yang terkandung dalam surah dan melihat perkaitan antaranya. Oleh itu, fungsi kaitan lafaz dan makna bukan setakat menetapkan hukum *Waqf* sama ada *Tām*, *Kāfi* atau *Hasan*, bahkan ia memberikan pencerahan awal terlebih dahulu terhadap surah atau ayat-ayat yang dibaca. Teori dan metodologi yang dipakai dalam kajian ini amat wajar untuk dilanjutkan dalam surah berikutnya, *al-Takāthur*. Ini kerana tema besar kedua-dua surah ini membicarakan tentang hari akhirat dan ada menyebut berkenaan neraka. Lanjutan kajian pada surah berikutnya agar dapat diketahui kesinambungan antara dua surah, apatah lagi kedua-duanya mempunyai tema besar yang sama. Lanjutan kajian tentang fungsi kaitan lafaz dan makna pada pembahagian segmen adalah lebih utama untuk didahulukan dalam surah-surah pendek. Demikian kajian semisal ini belum pernah ditemukan dan ia juga bertujuan mendapatkan rentak dalam mempraktikkan teori sebelum daripada kajian terhadap surah-surah panjang.

## PENGAKUAN

Pengkaji berterima kasih kepada Dr Mohd Rosdi Bin Ismail, penaung Arab Mikro Centre (AMC) yang mencadangkan agar kajian ini dijalankan dalam surah al-Qāri‘at. Permulaan kajian semisal ini dalam surah ringkas telah membantu pengkaji dalam memahami proses implementasi kaitan lafaz dan makna dalam al-Quran.

Pengkaji turut berterima kasih kepada Dr Kamilin Jamilin, pengerusi Akademi Al Khayr (AAK) yang sudi meluangkan sedikit masa untuk memberikan pandangan tentang fungsi huruf *wau* pada ayat kesepuluh, surah al-Qāri‘at.

## RUJUKAN

- Abd al-Fattāh al-Marṣafī. (1980). *Hidāyat al-Qārī ilā Tajwīd Kalām al-Bārī* (Cet 2.). Madinah: Maktabat Ṭayyibat.
- Abd al-Rahmān al-Qammāsy. (t.t.). Al-Ḥawī fī Tafsīr al-Qur‘ān al-Karīm. Diambil Februari 19, 2022, dari Nidā’ Mauqī’ Kulli al-Muslimīn laman web: <http://www.al-eman.com>
- Abdullah al-Maimūnī. (2003). *Faḍl Ilm al-Waqf wa al-Ibtidā’ wa ma‘ahu Ḥukm al-Waqf Alā Ru‘ūs al-Āyāt* (Cet 1.). Riyad: Dār al-Qāsim. Diambil dari <https://ia600502.us.archive.org>
- Aḥmad ‘Iṣām. (t.t.). Zāwāhir Lughawīyyat fī al-Qur‘ān (59) al-Jumlat al-I‘tirādiyyat fī al-Qur‘ān. Diambil Februari 19, 2022, dari YouTube laman web: <https://www.youtube.com/watch?v=Ry6Sf1I6RH8>
- Aḥmad al-Asymūnī. (1973). *Manār al-Hudā fī Bayān al-Waqf wa al-Ibtidā’* (Cet 2.). Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī. Diambil dari <https://waqfeya.net/book.php?bid=3509>
- Aḥmad al-Da‘ās, Aḥmad Ḥamīdān, & Ismā‘īl al-Qāsim. (t.t.). I‘rāb al-Qur‘ān li-Da‘ās. Diambil Februari 19, 2022, dari Al-Bāhith al-Qur‘ānī laman web: <https://tafsir.app/iraab-daas/101/8>
- Aḥmad al-Mauṣalī. (1989). *Musnad Abī Ya‘lā al-Mauṣalī*. Kaherah: Dār al-Ma‘mūn li-Turāth.
- Alī al-Sakhāwī. (1987). *Jamāl al-Qurrā’ wa Kamāl al-‘Iqrā’*. Mekah: Maktabat at-Turath.
- Alī Taufīq, & Yūsuf Jamīl. (1993). *Al-Mu‘jam al-Wāfī fī Adawāt al-Naḥw al-‘Arabī* (Cet 2.). Iskandariah: Dār al-Amal.
- Al-Quran Amazing* (Cet 6.). (2017). Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Asyraf Fauzi. (t.t.). Al-Waqf. Diambil Februari 19, 2022, dari Dalīl al-Itqān laman web: <https://alitkaan.com>
- Jamāl al-Qirsy. (2012). Al-Waqf wa al-Ibtidā’ min Sūrat al-Qadr ilā al-‘Aṣr. Diambil Februari 19, 2022, dari Multaqā Ahl al-Tafsīr laman web: <https://vb.tafsir.net/forum>
- Khadījat Aḥmad. (1985). *Al-Waqf wa al-Ibtidā’ inda al-Nuḥāt wa al-Qurrā’*. Mekah: Universiti Umm al-Qurā.
- Liamputtong, P. (2014). *Kaedah Penyelidikan Kualitatif* (Cet 3.); M. R. Haliza & A. Shamsuddin, Terjemah.). Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.
- Maḥmūd al-Ṣāfī. (t.t.-a). Al-Jadual fī I‘rāb al-Qur‘ān. Diambil Februari 19, 2022, dari Al-Bāhith al-Qur‘ānī laman web: <https://tafsir.app/aljadwal/2/5>  
I‘rāb Surah 2 - al-Baqarat
- Maḥmūd al-Ṣāfī. (t.t.-b). Al-Jadual fī I‘rāb al-Qur‘ān. Diambil Februari 19, 2022, dari Al-Bāhith al-Qur‘ānī laman web: <https://tafsir.app/aljadwal/101/5>  
I‘rāb Surah 101 - al-Qāri‘at
- Maḥmūd al-Zamakhsharī. (t.t.). Tafsīr al-Kasyyāf ‘an Ḥaqā’iq al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl. Diambil Februari 19, 2022, dari Al-Bāhith al-Qur‘ānī laman web:

<https://tafsir.app/kashaf/3/7>

Tafsir surah 3 - Āli Imrān

Maḥmūd Bassaṭ. (2004). *Al-‘Āmīd fī ilmi al-Tajwīd* (Cet 1.). Iskandariah: Dār al-‘Aqīdat.  
Markaz al-Fatwā. (t.t.). Hal Yustaḥabbu al-Waqf alā Ru’ūs al-Āyāt Mutlaqan wa lau Ta‘allaqat bimā ba‘dahā. Diambil Februari 19, 2022, dari Islam Web laman web:

<https://www.islamweb.net/ar/fatwa/388132>

Muḥammad ‘Āsyūr. (t.t.). Taḥrīr al-Ma‘nā al-Sadīd wa Tanwīr al-‘Aql al-Jadīd min Tafsīr al-Kitāb al-Majīd. Diambil Februari 19, 2022, dari Al-Bāhith al-Qur’ānī laman web:

<https://tafsir.app/ibn-aashoor/101/3>

Tafsir surah 101 - al-Qāri‘at

Muḥammad ‘Āsyūr. (t.t.-a). Taḥrīr al-Ma‘nā al-Sadīd wa Tanwīr al-‘Aql al-Jadīd min Tafsīr al-Kitāb al-Majīd. Diambil Februari 20, 2022, dari Al-Bāhith al-Qur’ānī laman web:

<https://tafsir.app/ibn-aashoor/37/138>

Tafsir surah 37 - al-Şāffāt

Muḥammad ‘Āsyūr. (t.t.-b). Taḥrīr al-Ma‘nā al-Sadīd wa Tanwīr al-‘Aql al-Jadīd min Tafsīr al-Kitāb al-Majīd. Diambil Februari 20, 2022, dari Al-Bāhith al-Qur’ānī laman web:

<https://tafsir.app/ibn-aashoor/3/7>

Tafsir surah 3 - Āli Imrān

Muḥammad al-‘Imādī. (t.t.). Irsyād al-‘Aql al-Salīm ilā Mazāyā al-Kitāb al-Karīm. Diambil Februari 20, 2022, dari Al-Bāhith al-Qur’ānī laman web: <https://tafsir.app/abu-alsuod/101/5>

Tafsir surah 101 - al-Qāri‘at

Muḥammad al-Anbārī. (1971). *Īdāh al-Waqf wa al-Ibtidā’ fī Kitābillah ‘Azza wa Jalla*. Damsyik: Maṭbū‘āt Majma‘ al-Lughat al-‘Arabiyyat.

Muḥammad al-Andalūsī. (t.t.). Al-Baḥr al-Muḥīṭ fī al-Tafsīr. Diambil Februari 20, 2022, dari Al-Bāhith al-Qur’ānī laman web: <https://tafsir.app/albahr-almuheet/101/5>

Tafsir surah 101 - al-Qāri‘at

Muḥammad al-Jazarī. (2006). *Ghāyat al-Nihāyat fī Ṭabaqāt al-Qirā‘at*. Kaherah: Maktabat al-Mutanabbī.

Muḥammad al-Jazarī. (2014). *Al-Nasyr fī al-Qirā‘āt al-‘Asyr*. Madinah: Mujamma‘ al-Malik Fahd li-Ṭibā‘at al-Muḥaf al-Syarīf.

Muḥammad al-Jazarī. (t.t.). *Al-Nasyr fī al-Qirā‘āt al-‘Asyr*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat.

Muḥammad al-Sajāwindī. (2006). *Ilal al-Wuqūf*. Riyad: Maktabat al-Rusyd.

Muḥammad al-Zarkasyī. (1990). *Al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Ma‘rifat.

Muḥammad Hādī. (t.t.). Talkhīṣ al-Tamhīd. Diambil Februari 20, 2022, dari Al-Marjī‘ al-Iliktrunī lil-Ma‘lūmātiyyat laman web: <https://almerja.com/reading.php>

Muḥammad Makkī. (1999). *Nihāyat al-Qaul al-Mufīd fī ‘ilm al-Tajwīd*. Kaherah: Maktabat al-Şafā.

Musā‘id al-Ṭayyār. (2012). *Wuqūf al-Qur’ān wa Atharuhā fī at-Tafsīr*. Madinah: Majma‘ al-Malik Fahd li-Ṭibā‘at al-Muḥaf al-Syarīf.

Sāmiḥ Muḥammad. (2014a). Min Aqsām al-Waqf: Al-Waqf al-Ikhtiyārī. Diambil Februari 20, 2022, dari Al-Alūkaṭ laman web: <https://www.alukah.net/sharia/0/72376>

Sāmiḥ Muḥammad. (2014b, Jun 26). Al-Waqf al-Idṭirārī wa al-Intizārī fī al-Tilāwat. Diambil Februari 20, 2022, dari Al-Alūkaṭ laman web: <https://www.alukah.net/sharia/0/72683>

Ṭāhir al-‘Atabānī. (2015). Al-Waqf wa al-Ibtidā’ fī al-Qur’ān al-Karīm. Diambil Februari 20, 2022, dari Al-Alūkaṭ laman web: <https://www.alukah.net/sharia>

Uthmān al-Dānī. (1984). *Al-Muktafā fī al-Waqf wa al-Ibtidā’*. Beirut: Mu‘assasat al-Risālat.

### **Penulis**

**Mursyid Rosdi** merupakan pelajar di Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI), Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Beliau kini sedang menamatkan pengajian sarjananya dalam bidang sastera bahasa Arab. Beliau gemar untuk menjalankan kajian tentang bahasa Arab yang terkait dengan al-Quran.

**Azhar Muhammad** merupakan Profesor Madya di Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI), Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Beliau berjaya menamatkan pengajian kedoktoran falsafah (PhD) dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Universiti Malaya pada tahun 2006. Kepakaran utama beliau adalah bahasa Arab dan pendidikan Islam.